at Cekak tak kurang ebat dari lain2 seni

PENCAK SILAT -

980

antara
etahui
Silat
kalau
ngan
yang
seperti
atau

bererti
tidak
ayung,
arimau
Silat

endang
iggang
ndekar
mudah

n

on, 50
Silat
baha-
, silat
a ini
a den-
yang

, "seni
banyak
kapan
ikulan,
elak,
nnya,
lengan

pula
Silat
n dan

Oleh ZAINAL JAMARI

campuran dari silat-silat tadi.

Seperti kata Encik Budin: "Kalau kita perhatikan dengan teliti, semua pergerakan silat-silat yang ada, pada dasarnya, sama saja.

"Cuma, di antara perbezaan-perbezaan yang nampak antara satu seni dengan seni yang lain ialah langkah dan tarian yang berlainan."

Dan bagi Silat Cekak, mereka mempunyai langkah permainan mereka sediri yang digelar 'langkah empat pecahan bunga', 'langkah lapan' dan 'langkah 12'.

Menurut Encik Budin, seni Silat Cekak berasal dari Melaka. Dia mula mempelajari silat tersebut dari datuknya yang bernama Maidin, sejak berumur 10 tahun. Apabila datuknya meninggal, dia belajar pula dengan ayahnya, Seon.

Encik Budin mula mengajar silat ini di Singapura dalam 1968, dan menurutnya, Silat Cekak tidak lagi diajarkan di negeri asalnya, mahupun di mana-mana, selain dari di sini.

Di Singapura, ketika ini terdapat kira-kira 60 orang anak murid Encik Budin yang mempelajari silat ini. Latihan diadakan setiap malam Ahad di Balai Rakyat Kaki Bukit, dan setiap malam Selasa di Balai Rakyat Geylang West. Pada kedua-dua malam tersebut, latihan dimulakan pada 7.30 malam dan berakhir kira-kira 9.30 malam.

Berumur dari 10 hingga 30 tahun, 'pendekar-pendekar' cekak ini diajar semua cara perlawanan, sama ada dengan bersenjatakan keris dan pisau atau dengan 'tangan kosong' saja.

Pangkat2

Encik Budin menerangkan bahawa untuk seseorang pendekar mengetahui serba-serbi tentang Silat Cekak, dia mestilah menuntut sekurang-kurangnya selama tiga tahun.

1 MAR 1980

Seperti silat-silat lain, Silat Cekak juga menganugerahkan pangkat-pangkat tertentu kepada pendekar-pendekarnya. Ini merupakan bengkong yang mempunyai warna-warna tertentu untuk setiap peringkat.

Di bawah sekali ialah putih. Ini diikuti oleh merah, dan seseorang yang mempunyai bengkong ini, sudah boleh digelar 'cekak'.

Selepas ini, warnanya ialah merah putih dan mereka ini digelar 'wakil cekak'. Untuk dianugerahkan pangkat seterusnya, iaitu bengkong berwarna kuning, atau 'wakil guru ketiga', pendekar tadi akan diuji kecekapannya dalam serba-serbi.

Sesuai

Gelaran selanjutnya selepas ini ialah 'wakil guru kedua' dengan bengkong berwarna kuning hitam, dan gelaran yang tertinggi sekali ialah 'wakil guru pertama', dengan bengkong berwarna hitam.

Sejauh ini, hanya seorang saja anak murid Silat Cekak yang telah diberikan pangkat 'wakil guru pertama'. Dia ialah Encik Tumiran bin Tangat, 27 tahun, yang telah 12 tahun mempelajari Silat Cekak.

Bekerja sebagai seorang pegawai kastam, Encik Tumiran berkata bahawa Silat Cekak amat sesuai dengan dirinya, yang lebih mengutamakan pukulan dan pertarongan. Bertindak juga sebagai penolong Encik Budin dalam mengajar pendekar-pendekar muda. Encik Tumiran melahirkan harapannya hendak menjadi seorang jurulatih silat ini suatu masa kelak dan berusaha mengembangkannya lagi.

Seorang lagi pendekar, Encik Mahfuz bin Haji Halim, menjelaskan bahawa inilah satu-satunya seni silat yang pernah dipelajarinya.

Berumur 17 tahun, Encik Mahfuz, yang bekerja sebagai penjaga stor, berkata: "Telah lebih tiga tahun saya belajar silat ini dan saya memang meminati pelajaran-pelajaran yang diajarkan."

Encik Mahfuz kini memakai bengkong merah putih.

Seorang pendekar wanita, Cik Faridah bte Hassan, 17 tahun, pula berkata bahawa dia mula meminati silat ini apabila melihat mereka berlatih di balai rakyat berhampiran dengan rumahnya.

"Dari situlah saya mula belajar kira-kira setahun yang lalu, dan saya tidak menyesal mengambil keputusan tersebut kerana silat ini juga sesuai dipelajari oleh kaum wanita," kata gadis yang masih lagi bersekolah itu.

'Zahir'

1 MAR 1980

Cik Faridah, yang merupakan salah seorang dari empat pendekar wanita Silat Cekak, pernah mendapat tempat ketiga dalam bahagian srikandi pertandingan pencak silat anjuran Persekutuan Silat Singapura (Persisi) tahun lalu.

Satu perkara yang menarik tentang Silat Cekak ialah, mereka tidak menggunakan ayat-ayat Quran, seperti yang diajarkan oleh kebanyakan seni-seni silat lain, untuk permainan 'batin'.

"Kami memang ada doa untuk selamat, tetapi semua yang diajar ialah permainan 'zahir' saja," tegas Encik Budin.

Menyaksikan persembahan-persembahan para pendekar cekak pada malam mereka menyambut ulangtahun yang ke-12 Ahad lalu, saya kira mereka tidak sedikitpun kurang handalnya dengan silat-silat lain.

Tidak hairanlah kalau mereka telah menjadi juara pertandingan pencak silat anjuran Persisi selama dua tahun berturut-turut, iaitu dalam 1978 dan 1979.

● **SALAH satu gerak Silat Cekak yang merbahaya ditunjukkan oleh Encik Budin. Kelihatan terbaring di atas lantai ialah Encik Tumiran.**